

Banci daftar pemilih ditangguhkan ekoran PKPB

Oleh: Liyana Bazilah Binti Nor Shakiman

KOTA BHARU: Operasi banci daftar pemilih bagi penduduk di kawasan sekitar Kota Bharu ditangguhkan susulan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di negeri ini pada 21 November 2020 lepas.

Ketua Penghulu Mukim, Muhd Saifullah Zainuddin berkata, operasi membanci penduduk di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Lama ini diadakan sebanyak dua sesi bermula pada 20 November 2020 sehingga 21 November 2020.



Seorang penduduk sedang mengisi maklumat pada borang maklumat isi rumah yang diagihkan oleh pihak pembanci.

Beliau berkata, operasi sesi pertama ini telah berjaya dijalankan akan tetapi sesi kedua yang terpaksa ditangguhkan untuk menyekat penularan wabak Covid-19 yang semakin meningkat.

Selain itu, katanya, kawasan yang terlibat adalah DUN P09 Kota Lama dan operasi banci daftar pemilih ini bermula di Kampung Dusun Muda. Pusat Khidmat Dun Kota Lama yang mempunyai 12 unit daerah mengundi dan keseluruhan kawasan Kota Bharu sebanyak 33 unit dijalankan untuk operasi banci ini.

Saifullah berkata, tujuan banci itu adalah untuk mengenal pasti maklumat terkini isi rumah, status pemilih atau pengundi dan juga keadaan sosioekonomi penduduk sekitar di mana borang turut diagihkan untuk mengesan keadaan mereka sama ada ibu tunggal, berpenyakit kronik, Orang Kurang Upaya (OKU) dan sebagainya.

"Saya juga selaku ARO (*Assistant Registrar Officer*) diamanahkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk mendaftarkan pengundi di kawasan Pusat Khidmat DUN. Kami sebenarnya dalam masa yang sama memberi penerangan dan kesedaran kepada orang yang cukup umur untuk turun mengundi," katanya.

Beliau berkata, ia memerlukan tugas-tugas menyusun semula jumlah penduduk kerana mendapati sebanyak lebih 10,000 orang yang masih belum mendaftar sebagai pengundi di negeri ini dan menemui bahawa pertambahan orang di kawasan pusat bandar atas sebab berniaga dan sebagainya.

Dalam pada itu, operasi ini dipimpin oleh penghulu bersama majlis komuniti, ahli Majlis Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB BRI), sukarelawan dan ARO sendiri di mana mereka akan membawa kad pengenalan diri semasa membuat bancian.



Hashimah (dua dari kanan) bersama barisan pihak pembanci ketika membuat bancian di salah sebuah rumah penduduk di Kampung Dusun Muda.

Sementara itu, Noor Hashimah Hussein, sukarelawan operasi itu berkata, tugas selaku pihak pembanci adalah pergi rumah ke rumah penduduk, mengagihkan borang kepada penduduk dan mengumpul data isi rumah tersebut.

“Kaedah yang kami gunakan adalah melalui aplikasi *AppSheet* di mana ia memudahkan kami menyimpan dan menyusun data dan profil penduduk,” katanya.